

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN TEO KOK SEONG**  
**KAWASAN : RASAH**  
**TARIKH : 25.5.2016 (RABU)**  
**NO. SOALAN : 33**

**YB Tuan Teo Kok Seong minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:-**

- (a) jumlah bantuan kewangan yang diberikan kepada PROTON sejak ia ditubuhkan; dan
- (b) mengapakah PROTON gagal walaupun telah menerima banyak bantuan daripada Kerajaan

**Jawapan**

Tuan Yang di-Pertua,

PROTON telah ditubuhkan pada tahun 1985 dengan tujuan untuk menggalakkan proses perindustrian sektor automotif dan meningkatkan keupayaan rakyat tempatan dalam sektor berkenaan.

Sejak penubuhannya, pihak Kerajaan telah memberikan pelbagai bantuan kepada PROTON untuk memastikan syarikat berkenaan kekal berdaya saing dalam mengharungi cabaran industri yang amat kompetitif ini. Secara keseluruhannya, Kerajaan telah memberi bantuan berjumlah RM13.9 bilion yang merangkumi geran, pengecualian cukai termasuk bantuan-bantuan lain bukan fiskal.

Tuan Yang Di Pertua,

Adalah tidak benar untuk mengatakan bahawa PROTON adalah syarikat yang gagal. Ini kerana, sejak penubuhannya PROTON juga telah banyak menyumbang kepada negara dan memberi manfaat yang besar kepada industri serta seluruh rangkaian ekosistem di mana 12,000 rakyat tempatan sedang bekerja dengan PROTON dan sebanyak 130,000 orang yang lain terlibat secara tidak langsung dalam industri automotif tempatan.

PROTON misalnya telah menyumbang sebanyak RM24 bilion dalam bentuk kutipan cukai sejak penubuhannya pada tahun 1985. Selain itu, kewujudan PROTON juga turut menggalakkan lebih 500 usahawan tempatan untuk terlibat sebagai syarikat pengeluar komponen dan alat ganti, pengedar, pusat jualan serta pengusaha bengkel.

Kerajaan akan terus komited untuk memastikan perkembangan dan pembangunan berterusan industri automotif tempatan yang turut melibatkan transformasi PROTON dan ekosistemnya.